

UMS akan anjur program 'CIMB-Ranau: Run For Life'

UB 18/05/2012 A14

KOTA KINABALU:
Program Sains Sukan
Sekolah Pendidikan dan
Pembangunan Sosial,
Universiti Malaysia

Sabah (UMS) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan program 'CIMB-Ranau: Run For Life' di bawah penganjuran bersama CIMB Bank-CIMB Foundation dengan bantuan Pejabat Pelajaran Daerah Ranau.

Program itu akan dikendalikan sepenuhnya oleh pensyarah Sains Sukan UMS yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohamad Razali Abdullah dan akan turut dibantu oleh tiga orang pensyarah lain iaitu, Pathmanathan K. Suppiah, Hasnol Noordin dan Dr. Anuar Din.

Pengedalian aktiviti program ini melibatkan tiga fasa iaitu bengkel latihan kejurulatihan acara jarak jauh, latihan sekolah masing-masing dan penilaian prestasi melalui larian merentas



ATLET perempuan memulakan larian merentas desa.

desa.

Program sebegini diadakan adalah untuk memberi Kursus Kejurulatihan Sukan Merentas Desa kepada para guru serta jurulatih bagi atlet jarak jauh di daerah tersebut.

Antara pengisian kursus yang diberikan adalah, pendedahan kaedah

Pendekatan Multilateral, Biomekanik Larian, Psikologi Sukan Merentas Desa dan Pengurusan Kejurulatihan yang dilakukan menerusi teori dan sesi amali.

Menurut Prof. Mohamad Razali, program 'CIMB-Ranau: Run For Life' ini bertujuan untuk memberi pendedahan pengetahuan ilmu sains sukan serta pengetahuan tentang kejurulatihan berdasarkan pendekatan sistematis dan saintifik.

Katanya, program ini turut dilaksanakan di bawah objektif ingin mengembangkan kemahiran serta pencapaian pelajar di peringkat sekolah lagi.

"Kita amat berterima kasih kepada pihak CIMB Bank kerana menaja sepenuhnya program ini dalam bentuk kewangan," katanya di sini kelmarin.

Sementara itu, Pathmanathan berkata bahawa program ini dilihat sebagai program yang baik menerusi pelaksanaan julung kali yang telah diadakan pada tahun lalu.

Katanya, CIMB-Bank telah bersetuju untuk mengadakan lagi program sedemikian pada tahun ini di bawah tajaan penuh pihak bank tersebut.

Katanya, seramai 14 orang guru daripada 11 buah sekolah daerah Ranau yang telah menghadiri kursus tersebut pada tahun lalu.

"Antara sekolah terlibat, SMK Lohan, SMK (A) Mohammad Ali, SMK Matupang Jaya, SMK Kundasang, SMK Datu Paduka Mat Salleh, SMK BUNDU TUHAN, SMK Kemburongoh, SMK Ranau dan SMK Ulu Sungut," katanya.



SESI praktikal bersama Pathmanathan.



SMK Lohan juara keseluruhan larian Merentas Desa 'Ranau'.